

12 OCT 1996

Mahathir - Semangat

TERIMA ANGGOTA 46 DALAM UMNO, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota Umno menerima bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) dengan hati terbuka dan menganggap mereka sama seperti anggota parti yang sedia ada.

Perdana Menteri berkata anggota Umno tidak harus menganggap anggota parti S46, yang dibubarkan 6 Okt lepas, sebagai "ahli Umno dari Semangat 46".

"Tidak ada ahli Umno dari Semangat 46...tidak ada. Kita tidak ada puak-puak dalam Umno, semua adalah ahli Umno," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung parti itu di sini hari ini,

Selasa lepas, Tengku Razaleigh Hamzah telah menyerahkan kepada Dr Mahathir 200,000 borang permohonan beliau dan anggota-anggota S46 untuk menyertai Umno secara beramai-ramai berikutan pembubaran parti serpihan Umno pimpinannya.

Dr Mahathir berkata semua anggota Umno adalah sama, baik bekas S46 ataupun tidak.

"Mereka mempunyai hak yang sama dan juga tanggungjawab yang serupa dengan anggota lain. Perjuangan kita adalah perjuangan mereka juga kerana kita semua sekarang adalah ahli Umno," katanya.

Pada persidangan media selepas itu, Dr Mahathir berkata beliau sedar bahawa masalah kecil mungkin berlaku di peringkat cawangan dan bahagian dengan kemasukan bekas anggota S46.

"Tempatnya kecil dan ramai orang hendak masuk, sudah tentu ia menjadi sempit tetapi ini semua dapat kita atasi," katanya semasa menjawab soalan mengenai wujudnya kebimbangan pemimpin peringkat cawangan dan bahagian dengan kemasukan beramai-ramai bekas anggota Semangat 46 ke dalam Umno.

Apa yang penting anggota Umno mestilah ikhlas untuk menerima bekas anggota S46 di peringkat masing-masing, kata Dr Mahathir.

Semasa membahas usul amanat Presiden, wakil Kedah Datuk Badruddin Amiruddin mahukan ibu pejabat Umno memastikan kemasukan bekas anggota S46 di peringkat bahagian dan cawangan dibuat melalui saluran-saluran yang lazim diikuti.

"Kita terima mereka, tetapi mereka hendaklah masuk melalui pintu, bukan melalui tingkap," kata Badruddin.--BERNAMA

SJA ZKS MAI